



BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR
Student Affairs Division

EDISI
OKTOBER 2020

e Newsletter
PEJABAT
HAL EHWAL
PELAJAR

KETUA EDITOR

PUAN HAWA BINTI OMAR

EDITOR

**ENCIK AHMAD KHIRUL NIZAM
BIN ALI**

PENULIS

**MOHAMMAD IZ'ZAT
BIN ZULKHARNAIN**



KANDUNGAN



Program *Training of Trainers* (TOT) Fasilitator Minggu Transformasi Mahasiswa (MTM) Sesi 2020/2021

**Sesi Ramah Mesra Pelajar B40 Bersama
YB. Datuk Noraini binti Ahmad
Menteri Pengajian Tinggi Malaysia**

**Pendaftaran Mahasiswa Baharu
Program Sarjana Muda Semester I Sesi 2020/2021**

**Minggu Transformasi Mahasiswa (MTM)
Program Sarjana Muda Semester I
Sesi 2020/2021**

**Majlis Ikrar Minggu Transformasi Mahasiswa
(MTM) Program Sarjana Muda Semester I Sesi
2020/2021**

Sumbangan Makanan Kering dari Yayasan Food Bank Malaysia

**Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan
Jawatankuasa Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar UTHM (JPMPP)
Sesi 2020/2021**

**Taklimat Sesi Bidaan Fasa 1/2021 Bersama
Pengerusi Kelab/Persatuan dan
Majlis Kepimpinan Pelajar Kolej Kediaman**

Ulang Tahun Kelahiran Staf Bulan Oktober

Program *Training of Trainers* (TOT) Fasilitator Minggu Transformasi Mahasiswa (MTM)

02 OKTOBER 2020 | JUMAAT

Pada 02 Oktober 2020 telah berlangsung Program *Training of Trainers* (TOT) Fasilitator Minggu Transformasi Mahasiswa (MTM) bersama YBrs. Prof. Madya Dr. Afandi bin Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwil Pelajar dan Alumni) bertempat di Dewan Sultan Ibrahim, UTHM. Program dimulakan dengan perutusan YBrs. TNC (HEPA), diikuti dengan penyampaian Watakah Pelantikan Fasilitator MTM Program Sarjana Muda Semester I Sesi 2020/2021. Program kemudiannya diteruskan dengan taklimat Program *Learn From Home* (LFH) yang disampaikan oleh CEO YTL Communications Sdn. Bhd. yang telah bermurah hati menyumbang sebanyak 300 buah telefon bimbit YES Altitude kepada semua fasilitator dan sim kad percuma kepada semua pelajar baharu. Terima kasih diucapkan kepada YTL Foundation atas sumbangan yang telah diberikan ini.

Sesi Ramah Mesra Pelajar B40 Bersama YB. Datuk Noraini binti Ahmad Menteri Pengajian Tinggi

02 OKTOBER 2020 | JUMAAT

Pada 02 Oktober 2020 telah diadakan Sesi Ramah Mesra Pelajar B40 bersama YB. Datuk Noraini binti Ahmad di Pejabat Kementerian Pengajian Tinggi, Putrajaya. Seramai 8 orang pelajar dari beberapa universiti telah terpilih untuk menerima sumbangan dan dijadikan anak angkat kepada YB. Menteri serta ditaja sehingga tamat pengajian. Wakil rasmi Pejabat Hal Ehwil Pelajar dalam sesi berkenaan ialah Ustaz Baharudin bin Yaman@Abdul Ghani



Pendaftaran Mahasiswa Baharu Program Sarjana Muda Semester I Sesi 2020/2021

04 OKTOBER 2020 | AHAD



Pada 04 Oktober 2020 telah berlangsung pendaftaran mahasiswa baharu Program Sarjana Muda Semester I Sesi 2020/2021 di Kolej Kediaman Perwira dan Kolej Kediaman Pagoh. Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat membantu dalam sesi pendaftaran mahasiswa baharu. Proses pendaftaran telah berjalan dengan lancar mengikut Prosedur Operasi Standard yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia .

Minggu Transformasi Mahasiswa (MTM) Program Sarjana Muda Semester I Sesi 2020/2021

04 - 09 OKTOBER 2020 | AHAD - JUMAAT

Pada 04 hingga 09 Oktober 2020 telah berlangsung Minggu Transformasi Mahasiswa (MTM) Program Sarjana Muda Semester I Sesi 2020/2021 bagi Kampus Induk dan Kampus Cawangan Pagoh. Semua program ini telah dilaksanakan secara dalam talian menerusi platform *Youtube*. Program MTM ini merupakan wadah pertama bagi mahasiswa baharu yang mendaftar di UTHM. Melalui program ini, mahasiswa dapat mengetahui secara lebih mendalam mengenai program, fakulti dan Pusat Tanggungjawab yang sering berurusan dengan pelajar di UTHM.



Majlis Ikrar Mahasiswa Program Minggu Transformasi Mahasiswa (MTM) Program Sarjana Muda Semester I Sesi 2020/2021

08 OKTOBER 2020 | KHAMIS


Pada 08 Oktober 2020 telah berlangsung Majlis Ikrar Mahasiswa sempena Minggu Transformasi Mahasiswa (MTM) bagi mahasiswa baharu Program Sarjana Muda Semester I Sesi 2020/2021 bertempat di Studio Pendidikan FTV, UTHM. Seramai 7 mahasiswa baharu terlibat dalam majlis ini mewakili 2090 mahasiswa yang telah didaftarkan secara dalam talian. Majlis ini disaksikan oleh YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Wahid bin Razzaly, Naib Canselor serta pengurusan tertinggi Universiti dan turut ditonton secara langsung oleh semua mahasiswa baharu menerusi saluran *youtube* UTHM. Majlis turut menyaksikan penyerahan *mock cheque* zakat korporat sebanyak RM20,000.00 daripada Agrobank yang diwakili oleh En. Mohd Haizan bin Mohd Aziz, Pengurus Cawangan Agrobank Batu Pahat, Johor.

Sumbangan Makanan Kering dari Yayasan Food Bank Malaysia

18 OKTOBER 2020 | AHAD

Pada 18 Oktober 2020 Yayasan Food Bank Malaysia telah menyumbang dan mengagihkan makanan kering kepada pelajar - pelajar UTHM yang berkeperluan di Kolej Kediaman Perwira dan Kolej Kediaman Pagoh. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yayasan Food Bank Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan rakan-rakan strategik lain atas inisiatif ini. Semoga sumbangan ini sedikit sebanyak dapat membantu serta memberi manfaat kepada pelajar yang memerlukan.



Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Jawatankuasa Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar UTHM (JPMPP UTHM) Sesi 2020/2021

20 OKTOBER 2020 | SELASA

Pada 20 Oktober 2020 telah berlangsung Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Jawatankuasa Pemilihan Perwakilan Pelajar UTHM (JPMPP UTHM) Sesi 2020/2021 oleh Naib Canselor UTHM YBhg. Prof. Datuk Ts. Wahid bin Razzaly. Jawatankuasa Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar ini terdiri daripada para pelajar yang terpilih melalui sesi temubual secara dalam talian yang telah diadakan pada 09 September 2020. JPMPP berperanan dalam menguruskan Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar UTHM.



Taklimat Sesi Bidaan Fasa 1/2021 Bersama Pengerusi Kelab/Persatuan dan Majlis Kepimpinan Pelajar Kolej Kediaman

27 OKTOBER 2020 | SELASA

Pada 27 Oktober 2020 telah diadakan Taklimat Sesi Bidaan Fasa 1/2021 bagi Tahun 2021 bersama semua Pengerusi Kelab/Persatuan dan Majlis Kepimpinan Pelajar kolej - kolej kediaman. Sesi ini telah dipengerusikan oleh Puan Hawa binti Omar, Pengarah Pejabat Hal Ehwat Pelajar. Terima kasih diucapkan kepada Prof. Madya Ts. Dr. Khadijah Basri, Pengarah Pusat Pembangunan Pelajar, Dr. Nor Shaylinda Mohd. Zin, Ketua Jabatan Pejabat Kampus Lestari dan Saudara Daniel Syakireen



Mohamed Salleh Ketua Jabatan Kelab, Persatuan dan Sekretariat, Majlis Perwakilan Pelajar di atas kesudian dalam menyampaikan taklimat pada majlis ini. Taklimat ini diadakan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kepimpinan organisasi pelajar mengenai garis panduan permohonan aktiviti pelajar serta tatacara bidaan bagi aktiviti pelajar Fasa 1/2021 mulai Januari hingga Jun 2021.

Ulang Tahun Kelahiran Staf Bulan Oktober

29 OKTOBER 2020 | KHAMIS

Selamat Ulang Tahun Kelahiran diucapkan kepada En. Hirman bin Mohammad, Bahagian Pengangkutan Pelajar pada 29 Oktober 2020. Semoga beliau dipanjangkan umur, dimurahkan rezeki serta sihat sejahtera.



HEP



[pheputhm](#)



[heputhm](#)



hep.uthm.edu.my

**Pejabat Hal Ehwal Pelajar,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor**